

## Lokasi dan Sistem Sosio-Politik Negara Kota Langkasuka Menurut Beberapa Catatan

MOHD. ZAMBERI ABD. MALEK

Persidangan Mengenai Tamadun Melayu yang berlangsung di Kuala Lumpur pada tahun 1986 telah memaparkan kepada kita akan ciri-ciri tamadun keturunan Melayu sejagat. Bagaimanapun zaman silam bangsa Melayu itu sendiri tidak pula disentuh pengkajian secara khusus, terutama dalam pembentukan negara-negara kota yang dipercayai wujud di Semenanjung. Kemudian apabila timbul masalah-masalah kontroversi mengenai kedudukan bangsa Melayu sebagai masyarakat peribumi dan statusnya berhubung dengan warga negara Malaysia maka berbagai pendapat membuktikan kenyataan sejarah bangsa Melayu peribumi wujud di Semenanjung sejak beribu-ribu tahun. Seajar dengan kedudukan masyarakat Melayu mendiami negara ini sekian lama jarang pula diperkatakan tentang kewujudan negara-negara kota yang awal, pembentukan pemerintahan beraja, waktu kemunculan serta lokasinya yang harus dikesan di manakah berada sekarang ini. Bagaimanapun dipercayai pembentukan kerajaan-kerajaan Melayu tua yang paling awal berlaku di sekitar kawasan utara Semenanjung. Ini berdasarkan sumber-sumber sejarah China, Barat, India, Arab, Jawa dan bahan tempatan sendiri.

Negara kota Langkasuka sering disebut-sebut sebagai pemerintahan Kerajaan Melayu-Hindu yang pertama wujud di negara ini kerana terdapat tinggalan berupa catatan yang menunjukkan bukti serta ekskavasi dan penemuan artifek di kawasan-kawasan yang disyaki sebagai pusat pemerintahan negara kota tersebut turut memberikan bukti. Langkasuka kebelakangan ini menjadi topik yang sangat diperdebatkan oleh para sejarawan tempatan dan orientalis Barat terutama sekali dalam menentukan lokasinya. Sungguh pun begitu pakar-pakar dan para arkeologis masih ragu-ragu dan sentiasa mencari kebenarannya. Dua orang tokoh sejarah terkemuka Paul Wheatley dan Rolland Braddell telah banyak menumpukan pengkajian mereka terhadap zaman prasejarah negara Malaysia mendapati dan dengan berani mengesahkan setepatnya bahawa lokasi Langkasuka kini terletak berhampiran daerah Jering, Wilayah Patani, Selatan Thailand.<sup>1</sup> Kejayaan dari penemuan tapak-tapak arkeologi yang telah dikenal-pasti dan menjumpai banyak artifek-artifek hasil kerja galicari dan kajilidik arkeologis terkenal H.G. Quaritch Wales di kawasan berkenaan semakin memberikan keyakinan kukuh pada teori-

teori ini.<sup>2</sup> Dari pendapat-pendapat ini menjadi persetujuan kebanyakan penulis-penulis sejarah dan disokong oleh Fujita Toyohachi, D.K. Wyatt, A. Teeuw, G. Coedes dan ramai lagi. Di Malaysia Mubin Sheppard seorang tokoh budaya Melayu turut memberikan persetujuan malah Pengarah Muzium Negara, Shahrum Yub sendiri pernah membuat tinjauan di kawasan-kawasan sekitar daerah Jering, Patani dan beliau begitu tertarik dengan kesan-kesan purba yang dijumpai.

### ASAS-ASAS SUMBER TRADISI

Fakta-fakta sejarah yang sahih mengenai kewujudan sebuah negeri Melayu bernama Langkasuka paling banyak terdapat dalam dokumen-dokumen sejarah tradisi dan catatan dari pengembara-pengembara China. Pada zaman pemerintahan Raja China Han Wu Ti, 141-87 S.M. terdapat catatan yang menyatakan hubungan baik antara Maharaja China dengan Kerajaan India kuno. Untuk mengeratkan hubungan keduanya ini, China biasanya menghantar hadiah yang di antaranya termasuk berbagai jenis kain tenunan, barang-barang buatan emas, mutiara dan batu-batan yang dibentuk dengan keindahan seninya. Bagi mendapatkan barang-barang inilah memaksa para pedagang kecil dan pengembara China menjelajah negara-negara kota di Semenanjung.<sup>3</sup> Catatan paling awal mengenai Langkasuka datangnya dari pemerintahan Dinasti Liang, 502-556 M dalam buku Sejarah Liang Shu yang ditulis pada awal abad ke-7 M menyebut sebagai Lang-ya-Hsiu muncul sejak abad ke-2 M iaitu di tahun 100 M.<sup>4</sup> Sumber ini juga menerangkan lokasi Langkasuka secara kasar berada dengan jarak sejauh 24,000 li dari pelabuhan Canton.<sup>5</sup> Barang-barang penghasilan produksinya seperti kayulaka, kayuarang, gaharu, kapur barus, gading, tanduk badak yang banyak terdapat di sekitar kawasan yang disyaki lokasinya di utara pantai timur Semenanjung memang banyak pula ditemui dalam pasaran di pelabuhan Canton.<sup>6</sup> Wujudnya hubungan dagang antara negara Langkasuka-China ini dipersetujui oleh Wang Gungwu, terutama dalam pemerintahan Maharaja Liang Wu Ti, 502-549.<sup>7</sup> Brian Harisson pula menegaskan jalinan hubungan ini telah bermula sejak tahun 300 S.M. lagi.

Sumber-sumber China yang lain diperolehi dari bahan yang disusun oleh Tao-hsuan, 596-647 M, catatan ini telah diterjemahkan oleh Hsu-Yun-Tsiao berbunyi, Raja Paramartha, 500-596 M. ingin belayar ke negara Langkasuka, yang digambarkan terletak di pantai timur Semenanjung. Tiga buah ensaiklopedia berjudul T'ung Tien, Ta'-p'ing Huan Yu Chi dan Wen-hsien T'ung-k'ao susunan Ma Tuan-in di tahun 1300 menceritakan rombongan Sui yang belayar arah ke selatan dari pantai Champa, kemudian selepas melintasi Kepulauan Samui kira-kira dua atau tiga hari maka kelihatan dari arah barat puncak gunung Langkasuka. Keadaan-keadaan ini menerangkan kedudukan Langkasuka itu berada di sekitar negeri Patani. Bukti rekod-rekod China

juga diperolehi dari buku-buku yang ditulis oleh pengembara China yang terkenal I-Ching di tahun 692 M. Beliau menceritakan rombongannya yang sedang dalam pelayaran ke India, selepas dari pelabuhan Canton dan sesudah melintasi negara Funan kemudian mereka tiba di negara kota Langkasuka yang disambut meriah oleh rajanya dengan upacara penuh hormat.<sup>8</sup>

Sebuah lagi sumber sejarah China yang paling baru ditemui menggambarkan dari sudut lokasi yang paling tepat ialah dari Peta Wu-pe-chih. Pengarangnya Mao-Yuan-yi dengan prakata ditulis dalam tahun 1621 dalam pemerintahan Dinasti Ming. Berdasarkan peta ini J.V. Mills mencatatkan,

..Finally Lang-hsi-chia is placed on the chart as between the Telubin River and Singgora and he says that the chart definitely fixes Patani as the approximate situation of Langkasuka, the fairyland of the Malay romance, and the famous kingdom in Malay.<sup>9</sup>

Sumber-sumber dari Barat juga ada menyebut kewujudan sebuah negeri Melayu di Semenanjung ketika zaman kebesaran Empayar Rom di abad Pertama dan Kedua Masehi. Beberapa jenis barang mentah telah diimport untuk kegunaan Kerajaan Rom pada masa itu.<sup>10</sup> Salah sebuah sumber menyatakan Undang-Undang Rom ketika pemerintahan Maharaja Marcus Aurelius menceritakan banyak barang-barang diimport dari Patani ketika itu seperti kapur barus, kayu cendana, halia, buah cengkih dan buah pala.<sup>11</sup> Rolland Braddell juga menegaskan bahawa memang terdapat suatu rangkaian kawasan perlombongan emas di Langkasuka yang meliputi Patani hingga Pahang. Alasan ini menyebabkan orang-orang Greek menamakannya sebagai Semenanjung Emas atau Golden Khorsenese.<sup>12</sup> Cladius Ptolemy dalam bukunya Geographia di tahun 150 M. mencatatkan Telok Siam sebagai Telok Besar dan Telok Patani sebagai Telok Perimoulikus. Kewujudan negara Langkasuka juga dicatatkan sejak tahun 132 M. Telok Patani diceritakan oleh Ptolemy sebagai pelabuhan yang sangat sesuai menjadi persinggahan para pedagang kerana terdapat bahan galian emas di Langkasuka.<sup>13</sup> Kedudukan bandar pelabuhan Patani yang amat strategik telah menarik perhatian ramai para pelawat asing. Antara lain C. Skinner menulis,

The bay of Patani is formed by the projection of a narrow strip of land about seven or eight miles in length, which, connected with the mainland to the eastward, bends round to the north-west like a horn and protects the road-stead, so the vessels can at most seasons ride in safety, which account for the high estimation in which it was held by early navigators." Justeru itu maka, "How could sailors ever have failed to use such a place, situated as it was on an otherwise inhospitable coast? Moreover, into the bay flows the Patani which taps the gold bearing area."<sup>14</sup>

Seorang lagi penulis prasejarah Gabriel Ferrand berdasarkan sumber Kartasaritsagara di abad ke-7 dari India menyebut Patani sebagai Kalacapura terletak di Semenanjung yang disebut pula sebagai

Suvarnadhipa. Dari sumber tersebut Kerajaan Patani di sekitar tahun 644/5 M. kotanya dikelilingi tembok batu yang kuat dan pemerintahannya menguasai 24 buah negeri, termasuk Kelantan dan Singgora. Kemudian epik India menceritakan kejayaan ekspedisi Rajendra Chola I, 1014-1033 maka Insripsi Tanjore di tahun 1030 dan menyebut Ilangasoka yang dicatatkan tidak pernah kalah di medan pertempuran, berada di suatu tempat selepas Ligor jika dari utara. Bagaimanapun Wheatley menggunakan rujukan sebuah kitab dari catatan Arab yang menunjukkan suatu lokasi yang agak tepat berada di antara Singgora dengan Kelantan. Syaer Jawa kuno Negarakertagama di tahun 1365 menceritakan bahawa kebesaran Majapahit telahpun menguasai negeri-negeri Semenanjung iaitu Langkasuka, Sai, Djire dan yang lainnya.<sup>16</sup>

Bagaimanapun Rolland Braddell tetap bertegas bahawa katanya, tidak ada dalam rekod-rekod sejarah tradisi China di zaman Dinasti Liang mahupun Dinasti Tang menerangkan sebarang tempat di negeri Kedah atau sebelah pantai barat Semenanjung. Kedah dan Langkasuka bukanlah boleh dianggap satu ataupun sama, kerana keduanya disebut berlainan dan berasingan. Sebagai contoh sumber prasasti Tanjore menyebut Kadaram dan Ilangasoka, Negarakertagama menyebut Kedah dan Langkasuka, Peta Wu-Pei-chih menyebut Ki'tta dan Lang-hsi-chia dan kitab Al-Minhaj menyebut Kedah dan Langkasuka. Bahkan nama Langkasuka tidak pernah disebut langsung dalam mana-mana catatan sejarah Siam-Thai.

Kebanyakkan kisah-kisah pengembara dan pelaut dari negeri China menulis bagaimana kapal-kapal dagangan mereka hanyut di Laut China Selatan dan akhirnya akan singgah di pelabuhan ataupun tersadai di pantai negara Langkasuka. Oleh yang demikian jelaslah kepada kita kesemua sumber-sumber China menerangkan lokasi negara kota tersebut berada di suatu tempat di pantai timur utara Semenanjung. Keadaan begini jika dihubungkaitkan dengan peranan dan fungsi pelabuhan Patani yang amat strategik itu terkenal di kalangan pedagang Eropah di abad ke-16 dan 17 sebagai entrepot Timur-Barat.

Sehubungan dengan penegasan ini, di tahun 1962 ekspedisi University Cambridge, England pimpinan antropologis Stewart Wavell menemui kesan-kesan sastera Melayu klasik di kalangan masyarakat Melayu Patani yang masih menghayati zaman fantasi Langkasuka serta menunjukkan bahawa Bukit Sankalakilee yang terdapat di Patani itulah gunung Langkasuka.<sup>17</sup> Hingga kini masyarakat Melayu Patani ternyata kaya dengan cerita-cerita rakyat berunsur penglipur lara, mistri dan lagenda mengenangi keagungan zaman Langkasuka dan tamadun silamnya. Ini disahkan oleh Charles Otto Blagden tokoh budaya Melayu yang membuat kajian di tahun 1906 tentang kesusasteraan Melayu lama. Teeuw dan Wyatt pernah diundang melihat pameran mengenai kebudayaan Melayu Patani di Universiti Nakhrin Patani di tahun 1970. Dalam suatu ceramah

keduanya menegaskan akan tahap-tahap pencapaian tamadun orang-orang Patani di zaman Langkasuka. Seorang tokoh sejarah dan politik tempatan, Syaarani Haji Abdullah ketika bertugas di Jabatan Kaji Manusia dan Sosial di universiti berkenaan dalam suatu makalah ilmiahnya mempertahankan teori dan pendapat-pendapat para sarjana ini. Keadaan menjadi bertambah yakin apabila di tahun 1975 arkeologis terkenal H.G.O. Wales menjalani kerja-kerja penyelidikan ekskavasi di daerah Jering, Patani menemui kesahihan dan kebenaran lokasi Langkasuka itu. Ditemui juga bekas tapak kawasan kota berukuran seluas 400 meter lebar, di samping kawasan benteng yang rendah dikelilingi dua kawasan perlindungan keselamatan.

#### PERHUBUNGAN SOSIO-POLITIK

Sumber Liang Shu juga menerangkan akan perluasan negara kota Langkasuka mengikut panjang pantainya, jika perjalanan dari arah timur ke barat memakan masa selama 30 hari dan dari arah utara ke selatan pula sejauh 20 hari perjalanan. Dianggarkan jajahan kekuasaan empayaranya meliputi negeri-negeri Singgora, Patani, Kelantan Terengganu dan sebahagian dari utara Kedah dan Hulu Perak. Kesan dari pemerintahan Langkasuka kerajaan Melayu-Hindu yang pernah wujud di Semenanjung di suatu masa dulu maka hari ini jika dilihat dari segi fizikal susuk tubuh badan dan rupa paras, bahasa pertuturan, kebudayaan dan adat resam penduduk keturunan Melayu Ligor, Patani, Singgora, Kelantan, Terengganu dan Kedah mempunyai persamaan antara satu sama lain. Ini ternyata kelainannya jika kita amat-amati perbedaan kebanyakan penduduk pantai barat Semenanjung yang sejarahnya berasal dari Kepulauan Indonesia.<sup>18</sup>

Seajar dengan perkembangan sejarah, mulai pertengahan abad ke-2 M pengaruh kebudayaan Hindu menyerap mempengaruhi penduduk-penduduk Langkasuka. Suasana ini berjaya mengubah kepercayaan, kebudayaan, sosial dan politik penduduknya. Griswold telah membuat penganalisaan terhadap penemuan patong buddha yang dijumpai di Sungai Golok. Ternyata hubungan mengenai kepercayaan dan keagamaan mempunyai pertalian rapat antara Langkasuka dengan India.<sup>19</sup> Dalam tahun 450 M seorang ahli pelayaran China mencatatkan bahawa beliau menemui kaum Brahman tinggal di istana Langkasuka. Dalam tahun 1971 di kawasan yang disyaki di daerah Jering, Patani pernah ditemui patong pemujaan kaum Brahman yang bulat kehitaman di samping penemuan sebuah batu nisan di sebuah berhala. Kemungkinan apabila Seri Wijaya dari Sumatera menguasai Langkasuka maka ajaran Brahman telah ditinggalkan dan penduduknya mula menganuti ajaran Buddha-Singhalese. Bahan-bahan purba peninggalan yang ditemui sekarang ini di Wat Tam, Wilayah Yala menggambarkan keyakinan akan kesan-kesan pengaruh Seri Wijaya ini.

Peninggalan purba berunsur agama kemungkinannya telah dimusnahkan apabila agama Islam mula menyerap masyarakat penduduk negara Langkasuka. Bukti-bukti sejarah menunjukkan agama Islam tiba di Langkasuka dari Champa pada abad ke-11 dan 12. Penemuan dua inskripsi di Phanrang, Champa membuktikan Islam tiba di alam Melayu pada abad ini. Secebis salasilah dalam Lampiran I dapat menjelaskan kepada kita asal-usul pemerintahan Raja-Raja Melayu Langkasuka-Patani-Kedah-Kelantan-Ligor-Samudera-Champa.<sup>20</sup> Dalam masa 300 tahun kemudian, barulah Islam berkembang di kalangan rakyat jelata yang kemudiannya berjaya mempengaruhi golongan atasan. Catatan mengenai ketibaan seorang Syeikh Arab yang berasal dari Patani telah menyibarkan agama Islam di Kelantan tahun 1150 menguatkan lagi pengislaman di peringkat awal ini. Hamka pernah menegaskan sejak di zaman Langkasuka lagi terdapat ramai para saudagar Islam yang memulakan kegiatan dakwah untuk menyebarkan agama Islam di kalangan penduduk tempatan.<sup>21</sup> Telok Singgora juga dikatakan merupakan pusat perkembangan Islam di suatu masa dulu. Bahasa Melayu begitu penting peranannya sebagai bahasa pertuturan di zaman Langkasuka. Tetapi ancama Siam Sukhothai menyebabkan kebudayaan Islam semakin luput seperti mana hilangnya ingatan masyarakat terhadap sejarah Islam Langkasuka.

Pada mulanya kerajaan Melayu pertama ini muncul sebagai negara yang bebas di awal abad ke-2 M. Bagaimanapun pada abad berikutnya ia itu telah dilanggar oleh kekuatan Kerajaan Funan di bawah rajanya Fan Shih Man, 220-420 M. Sesungguhnya sejak itu Langkasuka tidak putus-putus dijajah oleh kuasa luar dan maju mundur negara ini adalah ditentukan oleh faktor-faktor ini. Meskipun kedudukannya terletak di antara jalan perdagangan antarabangsa India-China dan jugakekayaan hasil bumiannya merupakan faktor dalaman yang membawa kemajuannya, tetapi faktor inilah sebenarnya lebih dominan dalam menentukan semuanya ini. Dalam abad ke-5 Langkasuka dapat memulihkan kedudukannya apabila Funan mengalami keruntuhan di abad ke-6 M. Maka negeri Melayu tua ini mula mencapai tahapnya yang gemilang.<sup>22</sup> Di awal abad ini juga Langkasuka mengadakan hubungan langsung dengan Kerajaan China. Missi perutusan tiba di istana China pada tahun-tahun 515, 523, 531 dan akhir sekali di tahun 568 M. Sejarah Liang Shu antara lain menulis,

Kebiasaannya kaum lelaki dan perempuan berjalan dengan tidak memakai baju, manakala rambut mereka dibiar kan terhurai panjang hanya memakai kain sarong tenunan kapas. Raja dan Pembesar memakai pakaian menutupi bahu, tali pinggang emas dan menggantungkan subang pada telinga. Kebanyakkan kaum wanita pula memakai kain kapas dan perhiasan yang berbentuk seperti cincin di seluruh badan bergantungan. Negeri ini di kelilingi oleh bangunan kota tembok batu dindingnya yang tinggi. Terdapat juga dua buah pintu gerbang serta

bangunan menara tinggi. Apabila Raja Bhagadatta yang memerintah Langkasuka keluar mengembara, baginda akan menunggang gajah kenaikannya yang dihampar dengan kain putih di atas belakang, diiringi oleh pasukan pengawal yang membawa kibaran bendera panji-panji dengan paluan gendang. Sepanjang perarakkan itu segala hamba rakyat jelata akan berbaris memanjang mengiringi baginda yang ditudung dengan payung putih, sementara pasukan pengawal pula lengkap seragam.<sup>23</sup>

Kebangkitan kerajaan Melayu Seri Wijaya sebagai empayar *thallasocracy* telah menakluki Langkasuka di tahun 775 M. Bahasa Melayu Sanskrit yang ditulis dengan huruf India dan perkembangan agama Buddha-Singhalese sangat-sangat mempengaruhi rakyat Langkasuka. Seri Wijaya memerintah Langkasuka tanpa menggunakan kuasa tentera tetapi menguasai kawasan pantai dan perairan. Bagaimanapun tekanan penguasaan ini beransur-ansur lemah akibat Raja Jayavirama dari Khmer di tahun 1001 melancarkan kempen mendapatkan takhta Kerajaan Angkor berpengkalan di Ligor. Kelemahan ini juga memberi peluang pada Raja Rajendra Chola I dari India menawan Langkasuka di tahun 1025. Menjelang tahun 1230 kejatuhan Seri Wijaya jelas ketara telah melepaskan cengkamananya ke atas negeri-negeri jajahan di Semenanjung. Akibatnya Majapahit berjaya menakluki Langkasuka di tahun 1025 dan menjadikannya ibukota pentadbiran di Semenanjung. Ketika Marco Polo singgah di tahun 1292, Langkasuka disebutnya sebagai Lochac dan dinyatakan tidak membayar ufti pada sesiapapun.<sup>24</sup> Dari saat-saat ini keagungan negara kota Langkasuka mula menampakkan kemerosotannya.

Mulai abad ke-13, kerajaan Siam dari utara mula membuat beberapa percubaan untuk menakluki Langkasuka. Tetapi percubaan ini tidak berjaya sepenuhnya. Semasa laksamana Cheng Ho mengepalai delegasi China ke Melaka pada awal abad ke-15, beliau pernah singgah di negara ini yang pada masa itu masih dikenali dengan nama Langkasuka. Tetapi dalam buku Suma Oriental karangan Tome Pires yang ditulis pada tahun-tahun 1512-1515, beliau mula menggunakan nama Patani, tidak Langkasuka. Kemungkinannya ibu kota Langkasuka yang lama itu telah berubah ke satu kawasan baru dan mengambil nama baru iaitu Patani. Tetapi jelas bahawa pemerintahan Raja-Raja Melayu Langkasuka serta peranan dan kedudukan Langkasuka dan Patani tetap mempunyai kesinambungan sejarah.

Berdasarkan bukti-buktii di atas, dapatlah diterangkan bahawa pernah wujud sebuah kerajaan Melayu tua di utara Semenanjung menguasai satu tamadun sejak beribu-ribu tahun sebelum pembukaan Melaka. Penekanan terhadap pengkajian negeri-negeri Melayu Semenanjung sebelum Melaka ini harus diberi tumpuan wajar. Teori lokasi Langkasuka oleh sokongan penemuan arkeologi dan catitan-catitan oleh pengembara di zaman silam. Keunggulan tamadunnya mempengaruhi kebudayaan

masyarakat keturunan Melayu Semenanjung Malaysia khususnya sebagai peribumi. Kewujudan Langkasuka sebagai sebuah empayar Melayu tua telah dapat menyatukan penduduk-penduduk Semenanjung. Keruntuhannya telah menyebabkan lahirnya negeri-negeri Melayu berkerajaan Islam di bawah raja masing-masing. Penyatuan dalam Persekutuan Tanah Melayu seterusnya Malaysia adalah suatu ulangan kesatuan empayar Melayu di bumi Semenanjung seperti mana empayar Langkasuka di suatu masa dulu.

#### NOTA

- <sup>1</sup>Lihat, Sheatley, P., *The Golden Khorsenese*, Universiti Malaya Press, 1961 dan Braddell, R., *Notes on Ancient Times in Malaya*. *JMBRAS* Jil. 23 Bhg. I (1950) h. 1-35.
- <sup>2</sup>Lihat, Wales, H.G.Q., *The Malay Peninsula in Hindu Times*, London Quartich Ltd. 1976. h. 62-69.
- <sup>3</sup>Lihat, O'Connor, S.J. Si Chon: an early Settlement in Peninsular Thailand, *J. of Siam Soc.* Jil. 56 (1968) h. 1-18.
- <sup>4</sup>*JRASB*. Jil. 15 (1935) h. 21.
- <sup>5</sup>Satu li bersamaan 3 batu. Lihat nota kaki, Cushman, J.W., dan Milner, A.C., Eighteenth and Nineteenth Century Chinese Accounts of the Malay Peninsula. *JMBRAS*. Jil. 52 Bhg. I (1979) h. 12.
- <sup>6</sup>Braddell, *ibid*.
- <sup>7</sup>Lihat, Gungwu, W., *The Nanhai Trade: A Study of the Early History of Chinese Trade in the South China Sea*, *JMBRAS*. Jil. 31 Bhg. II (1958) h. 55.
- <sup>8</sup>Braddell, *ibid*.
- <sup>9</sup>Lihat, Mills, J.V., *Malaya in the Wu-Pei-chih Charts*, *JMBRAS* Jil. 15 Bhg. III (1937) h. 1-48.
- <sup>10</sup>Lihat, Syakrani, Patani Negara Langkasuka, *Dian. Bil. 91* (Ogos 1976) h. 9-16.
- <sup>11</sup>*JMBRAS* Jil. 22 Bhg. I (1949) h. 145.
- <sup>12</sup>Lihat, Braddell, R. *Malaya's Ancient Past*, *Malayan Historical J.* Jil. 1 No. 1 (1954) h. 32-35.
- <sup>13</sup>Lihat, Moens, J.L., Srivijaya, yava en Kataha, *JMBRAS* Jil. 15 Bhg. II (1939) h. 54.
- <sup>14</sup>*JMBRAS* Jil. 14 Bhg. III (1936) h. 36-37.
- <sup>15</sup>*JMBRAS* Jil. 17 Bhg. II (1939) h. 57.
- <sup>16</sup>Sai atau Saiburi merupakan daerah di Patani hari ini dan Djire boleh dimaksudkan sebagai Jering, di mana telah ditemui oleh pengesahan Prof. H.G.Q. Wales sebagai pusat pemerintahan negara'kota Langkasuka. Menurut Sejarah China Djire berada di tepi pantai. Kemungkinan ianya dimaksudkan pada Gunung Jerai, Kedah, lihat, Dutch Encyclopedia van Nederlanch-Indie.
- <sup>17</sup>Lihat, Wavell, S., *The Naga King's Daughter*, London, 1964.
- <sup>18</sup>Lihat, Journal Persatuan Sejarah Kelantan, Bil. 1 1964/1965.
- <sup>19</sup>O'Connor, *ibid*, h. 3.
- <sup>20</sup>Dalam Sejarah Kedah menyatakan moyang Sultan Mahmud yang memerintah negeri Kedah bernama Maharaja Derba Raja I mendirikan Kerajaan Langkasuka di tahun 634 M di daerah Sik, Kedah sekarang ini. Sila lihat, Buyong Adil, *Sejarah Kedah*, DBP. 1980 h. 2.
- <sup>21</sup>Hamka, *Sejarah Umat Islam*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1971.
- <sup>22</sup>Lihat, Abdul Rahman Haji Abdullah, *Asia Tenggara Tradisional*, Teks Publishing, Kuala Lumpur, 1985.

<sup>23</sup>Lihat, Mohd. Dahlan Mansoor, Pengantar Sejarah Nusantara Awal, DBP dan Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1979.

<sup>24</sup>Lihat, Coedes, G., The Indianized States of Southeast Asia, Universiti Malaya, 1968, h. 202.

Pusat Kesihatan  
34800 Trong, Perak D.R., MALAYSIA